

TARIKH	20 OGOS 2025 (RABU)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	KAJIAN KEBOLEHLAKSANAAN UNTUK MENILAI POTENSI TENAGA NUKLEAR		
M/S	29 (EKONOMI)	KATA KUNCI	NUCLEAR ENERGY, MOSTI, SMR,
BIDANG	NUCELAR	RMK13	

Kajian kebolehlaksanaan untuk menilai potensi tenaga nuklear

Oleh **ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI**
zakkina.tarmizi@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan sedang menjalankan kajian kebolehlaksanaan mengenai tenaga nuklear, termasuk Reaktor Modul Kecil (SMR) selaras dengan Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, ini bagi menilai potensi-

nya sebagai sumber tenaga asas yang stabil untuk kawasan yang menghadapi cabaran unik dalam pelaksanaan tenaga boleh baharu.

"Kajian ini akan menilai secara teliti strategi pengurusan sisa bagi memastikan tenaga nuklear diintegrasikan secara bertanggungjawab ke dalam ekosistem tenaga mampan negara," katanya dalam ucapan di Persidangan Binaan Hijau Antarabangsa (IGBC) 2025.

Fadillah berkata, langkah ini

melangkaui aspek pengambilan teknologi dan memerlukan pindaan terhadap undang-undang sedia ada serta undang-undang berkaitan, dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) serta agensi-agensi lain.

"Kami sedang bekerjasama untuk memastikan pembangunan modal insan menjadi antara bidang yang perlu diberi tumpuan bukan sahaja dari segi teknologi, tetapi juga dari aspek penguatkuasaan.

"Lebih penting lagi, kita perlu mengenal pasti teknologi lain yang tersedia dan menilainya dari sudut keselamatan, perlindungan serta sekuriti," katanya.

Fadillah turut menekankan, penerimaan rakyat akan menjadi faktor utama sebelum sebarang projek tenaga nuklear dilaksanakan.

"Ketika ini, kita menerima maklum balas yang positif dan galakan untuk mempercepatkan proses ini," tambahnya.

Katanya, Malaysia juga perlu mematuhi kerangka antarabangsa dan beliau mengesahkan terdapat 18 perjanjian dan perjanjian antarabangsa yang perlu ditandatangani.

"Ini termasuk Perjanjian Kerjasama Nuklear Awam atau lebih

dikenali sebagai Perjanjian 123, dengan Amerika Syarikat (AS), sebelum keputusan muktamad dibuat sama ada tenaga nuklear akan menjadi sebahagian daripada campuran tenaga negara.

Mengulas lanjut, penjana tenaga boleh baharu di Semenanjung Malaysia dan Sabah masih terhad memandangkan sumber yang tersedia seperti hidro, solar, biojisim dan biogas adalah terhad.

"Kita perlu mencari tenaga lain yang kukuh untuk menyokong beban asas di Semenanjung dan Sabah.

"Tetapi lokasi sebenar hanya akan ditentukan selepas semua prasyarat dipenuhi, termasuk penerimaan rakyat dan kelulusan peraturan," jelasnya.

Berdasarkan penguatkuasaan Akta Kecekapan dan Pemuliharaan Tenaga (EECA) 2024, Fadillah berkata, Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) akan melancarkan Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara 2026-2035 (NEEAP 2.0) tidak lama lagi.

"Strategi menyeluruh ini akan merangka inisiatif merentasi semua sektor untuk menggalakkan penjimatan tenaga, merangkumi langkah kecekapan tenaga elektrik dan terma," katanya.



FADILLAH Yusof menyampaikan ucapan ketika Persidangan Bina Hijau Antarabangsa 2025 di One World Hotel di sini, Petaling Jaya, Selangor semalam.
- UTUSAN/SADDAM YUSOFF



DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
------------------------	--